



13 NOV, 2022

Pergerakan tanah dikesan di sub stesen dihempap batu

Kosmo Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Pergerakan tanah dikesan di sub stesen dihempap batu

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini mengesan pergerakan tanah berikutan kejadian runtuh bongkah batu yang menghempap sebuah sub stesen di ladang ternakan ayam di Bestari Jaya, Kuala Selangor kelmarin.

TNB dalam kenyataan berkata, pihaknya kini sedang berkerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor di tapak kejadian.

"Pencawang tersebut adalah terpencil dan hanya membekalkan elektrik kepada premis ladang sahaja. Demi keselamatan orang awam, bekalan elektrik telah dimatikan," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah kenyataan itu, proses baik pulih aset dan bekalan TNB hanya boleh dilakukan setelah kerja-kerja pembersihan selesai

Pencawang tersebut adalah terpencil dan hanya membekalkan elektrik kepada premis ladang sahaja. Demi keselamatan orang awam, bekalan elektrik telah dimatikan."

dan disahkan selamat oleh pihak berkuasa.

Terdahulu, *Kosmo!* melaporkan sebuah sub stesen TNB di Kampung Raja Musa, Bestari Jaya musnah akibat dihempap bongkah batu yang runtuh, kelmarin.

Kejadian kira-kira pukul 11 pagi itu melibatkan 80 peratus kemusnahan, namun tiada ke-malangan jiwa dilaporkan



KEADAAN bongkah batu yang menghempap sub stesen TNB di sebuah ladang ternakan di Kampung Raja Musa, Bestari Jaya, Kuala Selangor.